

PELITUP MUKA

- **Wajib di dalam bangunan** termasuk pengangkutan awam dan kenderaan e-hailing
- **Pilihan apabila berada di luar bangunan dan kawasan terbuka** tetapi digalakkan di kawasan yang sesak. Individu berisiko tinggi juga digalakkan memakai pelitup muka.

PENJARAKAN FIZIKAL

- **Tidak lagi diperlukan**
- **Digalakkan dalam keadaan tidak memakai pelitup muka**

DAFTAR MASUK (CHECK-IN) DAN STATUS VAKSINASI MYSEJAHTERA

- **Daftar masuk (Check-in) dimansuhkan**
- **Kemasukan ke premis dibenarkan** tanpa mengira status vaksinasi kecuali mereka yang berstatus 'Berisiko Tinggi' atau di bawah HSO

POSITIF COVID-19 (UJIAN DAN PELEPASAN)

- Secara amnya, kes positif COVID-19 dikehendaki untuk kuarantin selama 7 hari. Walau bagaimanapun, di bawah Ujian dan Pelepasan, mereka akan mempunyai pilihan untuk **menjalani ujian RTK-Ag yang diselia pengamal perubatan pada hari ke-4**. Jika negatif, mereka boleh menamatkan kuarantin.

MENGEMBARA

- **Pengembara yang telah lengkap divaksinasi dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah** dikecualikan daripada ujian pra-pelepasan dan semasa ketibaan
- **Pengembara yang tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi** hendaklah menjalani ujian RT-PCR 2 hari sebelum berlepas dan ujian RTK-Ag yang diselia dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan. Mereka juga perlu dikuarantin selama 5 hari
- **Insuran COVID-19 tidak lagi diperlukan** untuk semua pelancong yang memasuki Malaysia

SENARAI NEGATIF

- **Senarai aktiviti yang dilarang** oleh Majlis Keselamatan Negara sebelum ini telah dibenarkan. **Semua sektor ekonomi boleh beroperasi mulai 15 Mei 2022**